

Golongan muda jangan terpengaruh pihak burukkan kerajaan

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD

BATU PAHAT 2 Ogos - Golongan muda diingatkan supaya tidak terikut-ikut dengan tindakan setengah pihak yang memfitnah dan memburukkan kerajaan kerana usaha membina negara yang dilakukan pemimpin terdahulu serta sekarang akan hancur.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari berkata, usaha membina negara adalah sama seperti membina sebuah bangunan iaitu mengambil masa yang lama untuk disiapkan tetapi mudah diruntuhkan dalam sekelip mata.

Menurutnya, sekiranya generasi muda terikut-ikut dengan rentak tersebut, usaha yang sedang dan akan dilaksanakan kerajaan menerusi kepemimpinan yang ada tidak dapat diterjemahkan kerana golongan tersebut perlu terlibat bersama-sama dalam membina negara.

“Saya ingin menegaskan betapa perlunya generasi muda atau generasi Y untuk memahami usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan kerana mereka akan menjadi pelapis dan pewaris kepemimpinan masa depan,” katanya

Dalam ucapan perasmian Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Akhir Kebangsaan 2015 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dekat sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Penerangan, Datuk Ibrahim Abdul Rahman.

Pada masa sama Jailani berkata, pengaruh media sosial yang membina persepsi perlu diteliti terlebih dahulu kesahihannya supaya rakyat terutama golongan muda tidak terperangkap dan terpedaya dengan fitnah yang dimainkan.

“Sehubungan itu, golongan muda harus menggunakan segala ilmu yang telah diperolehi dalam memastikan penggunaan media sosial ke arah kebaikan selaras dengan usaha membangunkan negara,” katanya.



Saya ingin menegaskan betapa perlunya generasi muda atau generasi Y untuk memahami usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan kerana mereka akan menjadi pelapis dan pewaris kepemimpinan masa depan.”

JAILANI JOHARI

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia

MOHD. IKHWAN MOHD. ROSSELI (tengah) bersama naib juara, Nurul Affah Adila Mohd. Salleh (kiri) dan Ghazali Mat Zain bergambar kenangan selepas majlis penyampaian hadiah pada Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2015.



IBRAHIM ABDUL RAHMAN (tiga dari kanan) menyampaikan hadiah tempat pertama kepada Mohd. Ikhwan Mohd. Rosseli (tiga dari kiri) dari Kuala Lumpur dalam Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2015 di UTHM, semalam.

Mohd. Ikhwan unggul Pidato 1Malaysia

BATU PAHAT 2 Ogos - Biarpun hampir menarik diri daripada menyertai Pertandingan Pidato 1Malaysia pada peringkat awal, wakil Kuala Lumpur membuktikan keunggulannya apabila dinobatkan juara dalam peringkat akhir yang berlangsung hari ini.

Mohd. Ikhwan Mohd. Rosseli, 26, mengakui hampir tidak menyertai pertandingan tersebut kerana kesibukan tugas yang menghalangnya melakukan persediaan, namun berkat dorongan keluarga dia mengambil keputusan meneruskan penyertaannya.

Pelajar undang-undang yang mendedikasikan kemenangannya itu kepada seseorang yang dianggap istimewa dalam hidupnya,

mengakui tidak menyangka namanya akan diumumkan sebagai pemenang.

“Saya tidak sangka menang tetapi memang ada berharap begitu. Jadi, saya memulakan kembali persediaan rapi sejak bulan Jun lalu bagi saingan peringkat negeri sebelum diteruskan ke peringkat kebangsaan.

“Tajuk yang diperolehi saya adalah ‘Modal Insan Pemangkin Ke Arah Negara Maju’ memang memerlukan pentaksiran yang mendalam untuk menyediakan teks terbaik selain perlu bersedia untuk menjawab pertanyaan juri,” katanya.

Hadiah Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2015 yang bertemakan ‘Malaysia#sehatisejiwa’ disampaikan Ketua Pen-

garah Penerangan, Datuk Ibrahim Abdul Rahman yang mewakili Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari.

Mohd. Ikhwan yang membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala pusingan dan piala iringan berjaya mengetepikan cabaran 516 peserta lain dari seluruh negara dalam pertandingan yang bermula sejak bulan Mac lalu.

Sementara itu naib juara, Nurul Affah Adila Mohd. Salleh, 24, mengakui tertekan setelah menerima tajuk tentang cukai barang dan perkhidmatan (GST) memandangkan topik itu menjadi bualan hangat dalam kalangan masyarakat.

“Saya sudah menjangkakan topik ini memerlukan persediaan

secukupnya termasuk mendapatkan maklumat daripada pihak berkenaan serta sedikit kajian daripada bahan bacaan dalam Internet,” kata wakil Pahang yang membawa pulang RM2,000 itu.

Seorang guru, Ghazali Mat Zain, 38, yang mewakili Kelantan kembali menunjukkan bakatnya berpidato apabila meraih tempat ketiga selepas kali terakhir menyertai pertandingan seperti itu pada tahun 1999.

“Saya sudah lama tidak berpidato kerana lebih banyak terlibat menjadi jurulatih atau hakim. Dengan kemenangan ini tidak mustahil untuk (saya) kembali bergiat tetapi perlu memperbaharui kaedah dan teknik selaras dengan era kini,” katanya.